

**Perdana Menteri Mahu Petani Lakukan Lonjakan Berganda
Bernama
06 Julai, 2012**

CHINI, 6 Julai (Bernama) -- Penduduk luar bandar khususnya golongan petani perlu melaksanakan transformasi minda jika mahu menikmati perubahan besar dan taraf hidup yang lebih baik.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata transformasi itu penting dalam usaha membawa perubahan besar kepada rakyat sama ada dari segi meningkatkan taraf kehidupan, pendidikan yang lebih sempurna, keperluan kesihatan mahupun pekerjaan atau perniagaan mereka.

"Jangan jadi petani yang hanya duduk dalam kepompong. Dapatkan idea daripada mereka yang berjaya dan jadilah petani yang bukan setakat pengeluar tetapi juga berjaya dalam rangkaian perniagaan pertanian di peringkat global dan antarabangsa," katanya ketika berucap pada pelancaran Mini MAHA Pekan 2012 di hadapan kira-kira 10,000 peneroka Felda di Dataran Shahbandar, Bandar Dara, Chini, di sini pada Jumaat.

Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pertanian Industri dan Asas Tani Datuk Seri Noh Omar.

Perdana Menteri berkata beliau mahu melihat kepada perubahan bersifat lonjakan berganda dan besar-besaran.

"Itu matlamat sebenar dan saya ingin transformasi negara yang kita perjuangkan hari ini dari Utara hingga ke Selatan dirasai setiap pelosok rakyat," katanya.

Najib berkata para petani juga perlu lebih kreatif seperti menggunakan teknologi tinggi dan moden dalam melonjakkan hasil pertanian sekaligus mendapat pendapatan yang lumayan.

"Mereka juga perlu melihat kejayaan para usahawan tani yang menyertai program Mini MAHA itu sebagai sumber inspirasi dan pencetus semangat untuk terus berjaya dalam bidang pertanian.

Najib turut memuji usaha Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani (MOA) yang menjenama semula program MOA Bersama Rakyat dengan nama Mini MAHA Pekan 2012 sempena pameran MAHA (Pameran Pertanian Holtikultur dan Agro Pelancongan) pada November dan Disember, ini di Serdang, Selangor.

"MAHA ini dibuat dua tahun sekali, rebutlah peluang untuk pergi melawat, sebab pelbagai peluang dan teknologi dipamerkan di situ yang mungkin dapat membantu usaha tuan-tuan untuk mempertingkatkan hasil pertanian," katanya.

Mini MAHA Pekan 2012 merupakan yang ketiga selepas pertama kali diadakan di Pontian, Johor dan Taping, Perak.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678627>

